

Ekspansi Politik Sukarno

Anggaran belanja negara (Indonesia) separuh lebih digunakan untuk pertahanan, kerana dasar politik Sukarno ialah menguasai Asia dalam bentuk apa-apa jua”, demikian kata penulis rencana ini dalam mengulas kedudukan di Indonesia dalam usaha Sukarno meluaskan lagi politiknya yang semakin hari semakin jelas sesudah berlaku peristiwa pemberontakan Brunei. Penulis rencana ini adalah seseorang tokoh Indonesia yang berada di Malaya yang tentunya menggembirakan keadaan yang sebenarnya berlaku di Indonesia.

Sukarno Akan Menjajah Brunei dan Malaya?

(Oleh: Pena Mas Indonesia)

Sesudah Perang dunia Yang Kedua terjadilah perubahan-perubahan di dalam negara-negara di Asia dan Afrika, dalam bentuk dan corak pemerintahannya. Di Asia, negara-negara China dan Indonesia menunjukkan coraknya yang tersendiri dengan hubungan politiknya menuju kepada Sosialisme, dan meluas (*expansive*) kalau dikatakan agresive (menyerang).

Negara-negara yang terletak di dalam jajahan Inggeris mendapat kemerdekaannya dengan cara bertingkat-tingkat. Cara ini menurut pendapat Inggeris, adalah sebaik-baik jalan bagi menjaga ketenteraman dunia dan menjaga hubungan politik, ekonomi dan kebudayaan. Dari beberapa pihak mengancam negara-negara bekas jajahan Inggeris ini, dengan seolah-olahnya kemerdekaan mereka bertopeng dengan penjajahan baru (Neo-*Colonialisme*). Sejarah kemudian hari atau pun sekarang jua dapat membuktikannya, sampai di mana dapat diperhitungkan ketetapan kedudukan negara-negara itu.

Garis besar dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ialah menjauhkan adanya bencana peperangan yang ketiga kerana akibat peperangan itu adalah memusnahkan peradaban manusia dengan kemajuan-kemajuan teknik peperangan. Beberapa negara yang baru bangun hanya meremehkan dasar peri kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu. Mereka menggunakan Pertubuhan dunia itu untuk kesempatan politiknya masing-masing.

Negara yang lebih maju adalah mengetahui politik masing-masing yang dibuat oleh negara-negara yang baru bangun itu, tetapi negara-negara yang lebih maju itu mempunyai pertimbangan yang jauh (jauh pandangannya) dan dalam, maka bertolak ansur negara-negara yang lebih maju itu adalah menjadi dasar politik luar negerinya masing-masing.

Kemerdekaan Indonesia

Indonesia telah merdeka dengan melalui revolusi berdarah. Perjanjian yang telah ditandatangani oleh wakil *President* Muhammad Hatta di dalam persidangan “Meja Bundar” di negeri Belanda, adalah mempunyai moral yang sangat dalam. Ini hanya diketahui oleh golongan yang mempunyai jauh pandangan dan dalam. Golongan ini mengetahui bahawa ada batas-batasnya untuk membasahi bumi Indonesia dengan darah.

Sesudah tahun 1950 hingga sekarang dapatlah kita saksikan keruntuhan ekonomi negara ini. Pentadbiran pemerintahan telah melampaui batas kesalahan dan “*Managernya*” hingga sekarang belum sepele kata pun mengakui kesalahannya, bahkan sikapnya sebaliknya, ia menunjukkan sikap yang sangat angkuh dan *progressive*.

Hasil negara yang melimpah-limpah dan *man power* (tenaga manusia) yang tak terkira-kira banyaknya telah menjadi alat fikiran Sukarno dengan politik *ekspansinya* (meluaskan politiknya). Nampaknya Sukarno bercita-cita untuk menjadi emperor di Asia.



Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei (kiri) tatkala tiba di Brunei dari menunaikan fardu haji yang kedua, bersama-sama dengan Dato' Setia Mursal (Menteri Besar Brunei) di tengah-tengah dan Duli Pangiran Pemanca.

Gambar dipetik dari warta Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei.

* * *

Rakyat di negeri-negeri jiran Indonesia telah diracuni dengan janji yang muluk-muluk melalui kebudayaan dan lain-lain sebagainya. Masanya memang tepat, di mana rakyat jiran Indonesia yang sekarang berdiri di persimpangan jalan, kerana taraf berfikir rakyat memang tak seimbang dengan rakyat Indonesia, rakyat Malaya dan Brunei wajib cepat berfikir dan melihat dengan kenyataan-kenyataan supaya **kelak jangan terjerumus dalam bual pedagang ubat** di tepi jalan.

Pelajaran Dari Brunei

Dalam beberapa hari yang lalu, terjadi peristiwa Brunei. Sukarno dengan cepat mengambil peluang ini, untuk memainkan peranan politik ekspansinya, dengan memberikan sokongan politik kepada pemberontak. Cita-cita Sukarno

memang menghendaki supaya Malaya dan Brunei menjadi wilayah kekuasaannya, sekurang-kurangnya menjadi "jajahannya".

Neo-colonialism yang di dengung-dengungkan oleh Sukarno atas kuasa-kuasa barat, sebenarnya telah berlaku dalam negara Indonesia sendiri. Daerah-daerah di luar Pulau Jawa telah lama menjadi korban *neo-colonialism* sendiri. Timbulnya pemberontakan di Indonesia bukannya kerana pemberontak-pemberontak itu anti-Indonesia, akan tetapi kerana bentuk (cara) Sukarno menyakitkan hati rakyat di luar Pulau Jawa. Sebahagian besar hasil negara Indonesia dihasilkan dari daerah di luar Pulau Jawa, tetapi pembangunan di luar Pulau Jawa sama sekali tidak diperhatikan. Hasil kebun rakyat dibeli dengan harga yang ditentukan oleh pemerintah di Pulau Jawa, akan tetapi

kebutuhan (hajat yang mustahak) tidak seimbang dengan harga penjualan hasil rakyat. Bagi rakyat di daerah tidak ada tempat mengadu, kerana **tangan besi** mempergunakan kekuasaannya untuk **menindas rakyat yang tak berdaya**.


Anggaran belanja negara (belanjawan) lebih separuh digunakan untuk pertahanan, kerana dasar Sukarno ialah menguasai Asia dalam bentuk apa jua pun.

Angkatan Muda Indonesia yang masih bersih jiwanya telah diracuni dengan cogan kata-cogan kata *colonial* dan lain-lainnya. Sistem Hitler dengan “*yogonnya*” (membentuk dan melatih pemuda jadi mengikut membabi buta - P), sekarang telah diamalkan (dipraktikan) oleh Sukarno, dengan membentuk kadet-kadet angkatan mudanya, supaya memuja Sukarno sebagai “nabi” di Asia, yang tidak ada taraf bandingannya.

Kepada mereka ditanam pendapat, apabila ada yang menentang pendapat Sukarno, adalah orang anti-kemerdekaan dan lain-lain lagi. Tingkah laku Sukarno di dalam moral, keluarga mereka akan diancam; dan apabila tidak dapat mengelakkan rahsia ini, orang-orang yang berkenaan akan diberi pangkat dan wang. Praktik ini tidak menjadi rahsia lagi di Indonesia.

Perdirian Indonesia yang menghendaki perdamaian dengan negara-negara jirannya, adalah satu tipu muslihat, supaya rakyat negeri-negeri jirannya itu terperangkap dengan kata-kata yang mempunyai erti. Janganlah membaca yang tersurat sahaja tetapi perhatikanlah apa yang tersirat di dalamnya.

Azhari telah menjadi peon permainan percaturan politik Sukarno. Azhari yang baru semalam sahaja mempunyai pengetahuan politik memang sangat mudah dipermainkan oleh seorang *Old-Great-Politician* seperti Sukarno. Sukarno tahu di mana kelemahan-kelemahan Azhari. Di atas kepala Azhari inilah Sukarno berpijak menjalankan politik ekspansinya.



Mahasiswa-mahasiwa Islam India memasuki Kuliyyah Darul Uloom di Deoband, di India.

* * *

Bagaimana Membendungnya

Salah satu jalan untuk membendung ekspansi Sukarno, maka pemimpin-pemimpin kemerdekaan di negara-negara jiran Indonesia, wajib tegas ke dalam, menghadapi bangsa sendiri. Mereka hendaklah tidak membuang masa lagi untuk menamakan kepercayaan kepada diri sendiri; bahawa bangsa-bangsa di sini juga dapat mempunyai kemerdekaan yang setaraf dengan negara-negara lain, dengan tidak mengharap bantuan politik dari Indonesia.



Inilah jenisnya tentera-tentera Yaman

* * *

Kepada rakyat Melayu, yang asal keturunannya bukan dari negeri ini, wajib memerhatikan dengan saksama supaya pertikaian dalam negeri jangan menjadikan orang luar mengambil ikan di air yang keruh.

Bangsa Melayu sendiri, bangsa asli, berhati-hatilah mengkritik pemerintah sendiri. Kritik-kritik yang ditujukan kepada pemerintah hendaklah sifatnya membangun, dan bukan menanam racun kepada diri sendiri, yang akibatnya akan jadi senjata makan tuan.

Politik berdamai (kompromi) lebih banyak menguntungkan daripada menyerang dengan membabi buta. Kelemahan-kelemahan berfikir golongan pelebakang¹ (*opposition*) di Tanah Melayu ini adalah menjadi senjata Sukarno untuk menanam politik ekspansinya. Fahaman menentang, kalau tidak dikatakan *communist*, lebih mudah terpedaya kalau pemimpin-pemimpin di Malaya lebih jauh hubungannya dengan rakyat biasa. Kelemahan ini telah digunakan oleh kakitangan-kakitangan Sukarno yang berkeliaran di Malaya ini untuk meracuni rakyat Malaya. Dengan menerangkan bahawa rakyat Malaya seketurunan darah dengan Indonesia belum cukup bagi membendung ekspansi ini, bahkan apabila salah tafsiran akan mengakibatkan lebih buruk lagi

Angkatan Muda di Malaya yang telah mendapat didikan yang memadai, kalau tidak dikatakan tinggi, wajib dari sekarang juga menyinsing lengan bajunya, berdasarkan perasaan kebangsaan, membangun negeri ini dalam segala bidangnya. Janganlah segala kemudahan hidup yang didapati sekarang ini, menjadi penghalang untuk berfikir kerana di kemudian hari, generasi yang akan datang akan menanggung akibatnya disebabkan kerana salah berfikir dan bertindak angkatan muda sekarang ini. Angkatan muda wajib berani berkorban untuk kepentingan tanah air, dan janganlah sejali-kali mabuk dalam udara *twist* dan *rock and roll*

Cara Yang Patut Dibuat

Selain daripada membendung ekspansi dari luar Malaya ini, Malaya wajib mengirim seorang diplomat yang ulung ke Jakarta, sebagai wakil Malaya, untuk menghadapi percaturan politik Sukarno. Di samping mempunyai pengetahuan diplomat yang ulung, sedikit sebanyak harus pandai bersilat menghadapi tingkah laku peribadi Sukarno, dan kalau perlu menyediakan “kesenangan-kesenangan” dan lain-lain sebagainya.

Di dalam langkah ke dalam, Malaya wajib mempunyai kantor - *espionage* yang licin dan tegas. Kalau perlu menggunakan undang-undang terhadap pembangkang-pembangkang untuk keselamatan Malaya. Kakitangan-kakitangan Sukarno yang berkeliaran di Malaya, wajib dibatasi gerakannya, sekalipun mereka datang bertopeng sebagai kiyai ini dan itu.

Membendung segala macam ekspansi ini tidak susah apabila tindakan ke dalam dengan tegas dijalankan. Tugas ini adalah kewajipan nasional, untuk membawa bahtera Malaya ke pantai bahagia disamping membangun di dalam lain-lain bidang.

Belum terlambat

Kejadian di Brunei adalah satu pelajaran yang masih belum lambat bagi bertindak. Bukan tidak ada tenaga-tenaga yang jujur di Malaya ini yang dapat ikut menegakkan demokrasi di Malaya. Akan tetapi kerana tenaga-tenaga ini

¹ Perkataan sebenar ialah pembangkang

tidak pandai mencari muka, maka tersisihlah tenaga-tenaga itu dari arena politik di Malaya.

Pemimpin-pemimpin di Malaya wajib lebih luas melihat keluar. Janganlah habis hanya di dalam lingkungan parti politik sahaja. Tenaga-tenaga di luar ini, sebahagian besar tidak duduk di dalam parti politik. Kerana itu pemimpin-pemimpin Malaya wajib mengadakan hubungan secara teratur untuk bertukar-tukar fikiran, sekalipun sebagai penasihat politik secara tidak rasmi.

Menggunakan tenaga, yang tetap menerima gaji daripada kerajaan, bukannya tidak cukup buah fikiran, akan tetapi umumnya tidak cukup mempunyai daya berfikir dan bertindak secara progresif. Ini terjadi kerana disebabkan mudahnya hidup dengan jaminan-jaminan peribadi.

Perhatikan! Sukarno menegaskan bahawa Indonesia menganut politik bebas dan aktif. Akan tetapi program *Communist* telah dijalankan seratus peratus di Indonesia dengan berlindung di dalam Demokrasi Terpimpin.

Anggota-anggota *parliament* ditunjuk oleh Sukarno, supaya mengiakan segala tindakan Sukarno. Sukarno membentuk *Parliament*, supaya dunia jangan mengecam Indonesia sebagai negara *totalitar*, yang dalam praktiknya diktator Sukarno yang lebih berkuasa.

Adakah sistem Sukarno yang oleh pembangkang di pandang sebagai petunjuk ke arah demokrasi hendak dilaksanakan di Malaya ini? Tidakkah runtuh ekonomi di Indonesia masih boleh menjadi teladan di hadapan mata sendiri?

Mudah-mudahan dengan demokrasi yang ada sekarang di Malaya ini? Tidakkah keruntuhan ekonomi di Indonesia di dalam menegakkanya kerajaan janganlah hendaknya segan-segan mengambil langkah.

Sajak:

Corak-corak Hidup

Di babak sandiwara dunia tua
Ada orang penipu manusia
Di balik tirai
Dan batu kemanusiaan terlenda

Di tangan ada roti
Di kaki berlumut daki
Di kaki ada duri
Tiada jalan aman lagi

Suap roti ke mulut
Di balik tabir tersenyum maut
Sandiwara dituntun di depan mata
Seluruh jiwa berada dalam berahsia

Apakah seluruh bangsa manusia
Biasa hidup bawah sinar-sinar bahagia
Yang mutlak demokrasi ruhaniyah
Dalam kehidupan mengalir nilai-nilai ruhaniyah
Bersama taufik dan hidayah
Dari bayi sampai ke akhir hayat.

Zahari Awang.

Kota Bharu,
12.10.1962